KESALAHAN UMUM TATABAHASA

Dalam setiap ayat di bawah ini,terdapat satu kesalahan bahasa. Tuliskan jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan.

Mereka mencari lokasi seminar itu berdasarkan kepada pelan yang dilukis oleh Cikgu Mazani.
berdasarkan kepada pelan – berdasarkan pelan

1. Membaca buku dan mengemas rumah ialah antara hobi Mastura untuk mengisi masa lapang.

   _____

2. Tragedi tsunami yang melanda negara kita beberapa tahun yang lalu masih kekal di dalam ingatan saya.

   _____

3. Harap jangan memandu melebihi had laju yang ditetapkan di jalan raya untuk menjaga keselamatan kamu.

   _____

4. Murid-murid kelas Tingkatan Tiga Bestari menghadiahkan Cikgu Sarah sejambak bunga ros bersempena dengan sambutan Hari Guru di sekolah mereka.

   _____

5. Pihak berkuasa tempatan akan memperdalamkan parit di sekitar kawasan Kampung Rantau Panjang untuk mengatasi masalah banjir di kampung itu.

   _____

6. Kami tidak berjumpa dengan Pak Cik Nasri sejak berpuluh tahun yang lalu setelah dia berpindah ke luar negara.

   _____

7. Semua murid-murid dikehendaki memakai pakaian sukan kerana mereka akan bergotong-royong membersihkan kawasan sekolah.

   _____

8. Mereka akan membincangkan lain-lain perkara yang berkaitan dengan program keselamatan jalan raya itu pada petang nanti.

   _____

9. Mereka terlepas penerbangan oleh kerana terperangkap dalam kesesakan lalu lintas yang sangat teruk.

   _____

10. Surat aduan tentang masalah pencemaran sungai itu telah dihantar oleh saya kepada pihak Jabatan Alam Sekitar.

   _____

LIVEWORKSHEETS

LIVEWORKSHEETS